Cherita-cherita Pendek Untuk Kanak-Kanak



BORNEO LITERATURE BUREAU

CHERITA2 PENDEK UNTUK KANAK2

di-lukis oleh

JEMALI BIN JEMADI



TUN HAMDAN SHEIKH TAHIR DBP CAWANGAN SARAWAK
PUSAT DOKUMENTASI MELAYU

BIRO KESUSASTERAAN BORNEO

© BORNEO LITERATURE BUREAU, 1971

(Dianjurkan oleh Kerajaan2 Negeri
Sarawak dan Sabah)
Jalan Tun Haji Openg,
Kuching, Sarawak,
Malaysia Timur.

Dichetak oleh
Vincent Kiew Fah San, K.M.N., A.B.S.,
Penchetak Kerajaan,
Sarawak.

ISINYA

		Muka Surat
1.	Choo Dengan Buah Semangka	1
2.	Pasu Sakti	6
3.	Kekura Dengan Serulingnya	12
4.	Epal Emas	15
5.	Damak Dengan Songkok Hitamnya ...	20
6.	Dendam Buaya	24
7.	Air Terbakar	29
8.	Sang Kanchil Dengan Buaya	33
9.	Bunyi Wang	40
10.	Sang Kanchil Dengan Lubang	43
11.	Raja Hutan	48
12.	Sang Kanchil Yang Sentiasa Betul ...	52
13.	Mimpi Diwaktu Siang	56
14.	Tamatnya Kisah Seekor Harimau ...	60
15.	Genting Ganting	64
16.	Pahlawan Dari Tujuh Bukit	68
17.	Perkahwinan Balan Dan Bungan ...	75
18.	Batu Gading	81
19.	Memburu Penyamun	85

CHOO DENGAN BUAH SEMANGKA

CHOO TINGGAL DEKAT Sungai Krian dalam Daerah Kalaka, Sarawak. Dia ada sebuah kebun yang ditanamkannya dengan bermacham-macham buah-buahan dan sayur-sayuran.

Tanaman Choo yang paling subur ialah buah semangkanya yang gempal dan besar. Semangka itu sungguh elok rupanya.

Choo memberi perhatian lebih kepada semangkanya. Dibubuhnya daun pisang dibawah buah semangka itu. Ini menjadi alas yang baik untuk buah2 semangka itu.

Pada suatu pagi buah semangkanya yang paling besar dan elok telah hilang. Hanya bekas2nya saja yang tinggal. Choo sangat marah.

"Tentu binatang yang memakannya. Boleh jadi ia datang lagi malam ini. Aku mesti menghalangkannya," kata Choo.

Pada malamnya Choo duduk dalam kebunnya semalam-malaman. Suasana sangat gelap. Dia tidak dapat melihat apa2. Dia tidak pun terdengar mana2 binatang berjalan-jalan dalam kebunnya. Tetapi pada pagi esok sebiji pula buah semangka itu hilang. Choo bertambah marah.

"Aku mesti chari jalan untuk menangkap binatang2 ini, kalau tidak habis nanti buah semangkaku dimakankanya. Boleh jadi jua tikus yang memakankannya?" kata Choo.

Diambilnya sebuah periuk besar dan ditaruhkannya dalam kebunnya. Dia pun memasang api. Dalam periuk tadi dibubuhnya air dan diletakkannya diatas api. Bila malam tiba dia duduk dekat periuk tadi.

"Shukurlah ada periuk sakti ini," katanya dengan nyaring. "Air dah kumasak dalam periuk ini. Kalau tikus datang mereka akan disihirkan oleh periuk ini. Mereka akan melompat terus masuk kedalamnya. Aku akan buat lauk tikus. Mari! Marilah! Periuk ini menunggu kamu!"

Pada fikiran Choo tentu itu akan menakutkan tikus yang masuk kekebunnya. Tetapi pada pagi esoknya sebiji pula buah semangkanya hilang! Periuknya pun tak dapat menolong-nya. "Boleh jadi bukan tikus, mungkin keluang yang makan buah semangkaku."

Malam itu Choo duduk dekat periuknya lagi. Dia berkata dengan nyaring: "Mendidihlah! Mendidihlah! Wahai periuk saktiku yang indah! Dengan saktimu bawalah semua keluang kemari. Dengan saktimu biar mereka melompat masuk kedalam periuk ini. Marilah! Keluang! Marilah! Periuk saktiku menunggu kamu!"

Semalam-malam Choo duduk dekat periuk itu. Dia tidak pun terdengar apa2. Tetapi pagi esoknya sebiji pula buah semangka itu kena makan. Nampaknya bukan keluang yang memakannya. Mungkinkah tenggiling? Tetapi mereka hanya makan semut. Fikir Choo barangkali ada diantara tenggiling suka makan buah semangka.

"Mendidihlah! Mendidihlah! Wahai periuk saktiku yang indah!"

Sekali lagi Choo terpaksa berjaga sepanjang malam. Dia duduk dekat periuknya dan menyanyi:

"Wahai periuk saktiku! Bawalah tenggiling kemari. Suruhkan dia masuk melompat kedalam air ini. Biar air ini mendidih. Biar dia jadi lauk. Marilah tenggiling! Periukku menantimu!"

Kasihan Si Choo. Dia duduk semalam-malaman tetapi tidak mendengar apa2. Pada pagi esoknya sebiji lagi semangkanya hilang.

"Aku tersalah lagi," fikir Choo. "Rupanya bukan tenggiling. Apa agaknya? Mungkinkah Si Tupai?"

Bila hari malam Choo duduk lagi dekat periuk saktinya. Dikachau-kachaunya dalam periuk itu dan berkata:

"Mendidihlah! Mendidihlah! Periuk saktiku. Tunjukkan saktimu. Bawa kemari semua tupai. Suruh mereka melompat kedalam air ini. Buatkan lauk tupai. Marilah! Marilah tupai semua! Periuk saktiku menantimu!"

Dengan segera Choo terdengar bunyi kaki yang kechil2 berlari. Tidak lama selepas itu tiba2 sunyi semula. Choo sangat gembira dan pergi tidur. Sekarang dia tahu siapa yang memakan buah semangkanya.

Tupailah yang telah memakan buah2 semangkanya itu. Mereka telah dengar dia menyanyi dengan periuk saktinya. Boleh jadi mereka masih berlari. Mungkin mereka sekarang sudah di Afrika.

Pada esok pagi tidak ada buah semangka yang hilang, dan Choo tidak ternampak tupai lagi. Dia menjaga periuk saktinya dengan baik. Kadang2 dia membuat lauk didalamnya. Bukan lauk tikus, atau keluang, tenggiling atau lauk tupai tetapi hanya lauk semangka yang sedap.

PASU SAKTI

PADA SATU MASA ada seorang petani dinegeri China. Dia sangat miskin, tetapi dia ada sebuah ladang yang subur.

Tiap hari dia bekerja diladangnya. Dia bertanam sayur-sayuran, tebu dan buah-buahan. Sambil dia bekerja dia selalu menyanyi kerana dia senantiasa gembira.

Pada satu hari dia terjumpa sebuah pasu. Pasu itu besar. Warnanya hitam. Dia belum pernah melihat pasu seperti itu. Dibukanya tudung pasu itu untuk melihat apa ada didalamnya.

Sedang dia tunduk melihat kedalam pasu itu angin pun bertiup dengan deras. Terendaknya pun terus jatuh masuk kedalam pasu itu.

Petani itu mengambil terendaknya dari dalam pasu itu dan dipakainya kembali.

Setelah itu dilihatnya ada sebuah terendak lagi dalam pasu itu.

Dikeluarkannya lagi terendak itu pula. Sekarang dia sudah ada dua buah terendak!

Tapi hairan! Bila diambilnya terendak yang satu lagi itu timbul pula yang lain. Sekarang sudah jadi tiga! Dia mengeluarkan yang itu pula, tapi datang pula yang lain dan begitulah seterusnya. Tiap kali dikeluarkannya, timbul pula yang lain.

Akhirnya dia sudah ada lebih seratus buah terendak. Terendak2 itu bertaburan disekelilingnya. Ladangnya penuh dengan terendak.

"Aku tak boleh pakai terendak ini," katanya. "Sebuah chukup untuk melindungi kepalaku dari chahaya matahari. Tapi kalau sampai seratus buah dipakai tentu jadi bodoh pula."

Kemudian dia berkata seorang diri, "Kalau pasu ini boleh mengeluarkan banyak terendak tentu ia boleh mengeluarkan wang pula. Aku akan jatuhkan wang sepuluh sen kedalamnya dan lihat apa akan jadi."

Perkara yang sama pula berlaku. Bila diambilnya keluar tiap sekeping wang sepuluh sen tadi, keluar pula yang lain.

"Dinda! Dinda!" dia memanggil isterinya. "Mari lihat. Sekarang kita dah kaya. Kita ada wang untuk membeli kerbau. Kita juga ada banyak terendak baru yang chantik2!!! Mari lihat!"

"Terendak! Apa maksud kanda?" tanya isterinya. "Bukankah kanda tahu yang kita hanya ada satu terendak buruk saja, itu pun sangat buruk. Dan kanda yang memakainya dan saya pun tumpang memakai bila bekerja diladang."

"Oii!" katanya, "betul kata kanda! Kita dah kaya dan kita ada banyak terendak baru yang chantik2". Dia terus berlari memberitahu kawan2nya tentang pasu dan terendak itu.

Ping Lam ialah seorang kaya tetapi dia jahat. Dia ada banyak wang tetapi dia mahu lebih banyak lagi.

Bila dia mendengar tentang pasu sakti itu, dia terus pergi kerumah petani miskin tadi dan merampas pasu itu.

Petani miskin itu tidak suka melihat apa yang dilakukannya. Dia mahu pasunya itu dikembalikan kepadanya. Dia sangat marah pada Ping Lam.

"Dia ingat dia besar dan kuat, dia ambil pasu aku," katanya. "Aku akan adukan kepada hakim tentang apa yang telah berlaku. Aku mahu pasuku diberi balik kepadaku. Ping Lam tidak berhak mengambil harta aku."

Tetapi hakim itu pun orang jahat. Dia sendiri mahu pasu itu. Dia tidak mahu pasu itu diambil Ping Lam ataupun si petani tadi.

"Kau hanya terjumpa pasu ini dalam kebun kamu. Kau tidak pernah membelinya. Jadi ia bukan hakmu," katanya kepada petani itu. "Ini bukannya pasu kau. Pergi dari sini. Biar aku sendiri yang menyimpan pasu sakti ini."

Kemudian dia pun berkata kepada Ping Lam, "Kau tidak patut mengambil pasu ini dari petani itu. Kau jahat, Ping Lam. Pergi dari sini, biar aku simpan sendiri pasu ini."

Petani miskin tadi dan Ping Lam pun pergilah dari situ. Mereka tidak dapat berbuat apa2. Mereka balik kerumah masing2.

Seorang lagi orang tua berada dalam pasu itu!

Hakim itu sangat gembira. Dibawanya pasu itu balik kerumahnya.

Dia memanggil ayahnya, "Ayah, mari sini. Tengoklah pasu sakti ini."

Orang tua itu pun hampir kesitu dan melihat kedalam pasu itu. Dia sangat tua dan kakinya sangat lemah. Dia pun terjatuh kedalam pasu.

"Aduuuh!" keluh hakim itu. "Ini tak boleh jadi. Keluarlah, yah! Keluarlah dari pasu itu."

Dia menolong orang tua itu keluar dari pasu itu.

Tapi!!! seorang lagi orang tua berada dalam pasu itu. Dia menolong orang tua itu keluar namun ada lagi seorang yang lain dalam pasu itu.

Tidak lama selepas itu lebih dari seratus orang tua berada disekelilingnya. Disana sini ada saja orang tua. Ada yang berdiri dekat dia, ada pula yang duduk atas meja, ada yang berbaring diatas lantai; pendek kata rumah itu penuh dengan orang tua.

Hakim itu tidak dapat mengenali yang mana satu ayahnya. Bila dia berchakap mereka semua menyahutnya. Bila dia meletakkan makanan diatas meja mereka semua makan. Dia naik binggong dan tidak tahu apa hendak dibuat.

Akhirnya dia memanggil petani miskin tadi kerumahnya.

"Bawa balik pasu itu kerumahmu," katanya. "Jangan tinggalkan ia disini. Aku takut esok keluar pula

seratus orang ibu baru untukku dirumah ini. Menchari makan untuk seratus orang ayah sudah chukup teruk. Aku tak mahu lebih banyak ibu pula!"

Petani miskin itu pun membawa pasu sakti itu balik kerumahnya. Lepas itu dia tidak lagi miskin. Dia jadi kaya. Dia ada rumah yang chantik dan sudah tentulah dia masih mempunyai seratus buah terendak tadi.

Kalau kamu melihat seorang petani yang mempunyai seratus buah terendak, tentulah kamu tahu dari mana datangnya terendak2 itu. Tetapi, jangan pergi dekat pasu itu!

KEKURA DENGAN SERULINGNYA

PADA SUATU MASA ada seekor kekura tua. Kekura itu suka main seruling. Sungguh merdu bunyinya.

Suatu hari dia meniup seruling ditepi sungai.

Tiba2 serulingnya terjatuh dari tangannya. Pada sangkaannya seruling itu tentu jatuh kedalam air. Dia pun menyelam kedalam air untuk mencharinya, tetapi tidak berjumpa. Bila dia keluar dari sungai itu dia terdengar satu irama. Dia mendongak keatas pokok2 kayu.

Seekor kera yang jahat telah menchuri serulingnya, bila seruling itu terjatuh tadi. Dia tidak mahu memberinya balik kepada kekura. Kekura merayu berulang-ulang tetapi kera tidak peduli.

Kemudian kekura itu mulai menangis. Dia sangat sayang pada serulingnya. Seekor ketam yang tinggal dekat sungai itu terdengar tangisannya.

"Kenapa menangis, kawan?" ketam bertanya pada kekura.

"Dengarlah irama itu," jawab kekura, "kera telah menchuri serulingku yang elok."

"Kau tunggu dibawah pokok itu," kata ketam. "Aku akan memanjat pokok itu supaya kera itu memberi ia

balik kepadamu. Bila ia jatuh hendaklah kau sambut dan sembunyikan."

Kekura berdiri dibawah pokok itu. Dia memerhati ketam yang bijak itu memanjat pokok. Ia memanjat dengan senyap2. Tidak lama ia sampai kepada kera itu. Kera sedang duduk diatas dahan, meniup seruling. Perlahan-lahan ketam pergi dekat kepadanya. Bila sudah hampir benar disepitnya kera itu kuat2.

"Ow! Ow!" teriak kera itu. Ia tidak tahu apa yang menyakitinya. Seruling itu dilepaskannya. Ia menchari apa yang telah menggigitnya. Tetapi ketam itu bersembunyi dibawah selambar daun besar. Kera tidak nampak apa2. Ia berlari sambil berteriak, "Aduuuh! Aduh! Ada benda menyepit aku, sakitnya!!!! Aduh! Sakitnya!"

Bila seruling itu jatuh, kekura terus menyambutnya. Seruling itu disembunyikannya dibawah batu besar. Ketam itu pun turun berjumpa kekura.

Dari hari itu ketam dan kekura itu menjadi kawan baik. Tiap petang kekura main seruling dan ketam menari diatas pasir, ditepi sungai itu. Kera hanya berteriak-teriak dari atas pokok. Ia tidak dapat menyanyi kerana tidak ada seruling dan ia tidak pula mahu menari.

Disepitnya ekor kera itu kuat2.

EPAL EMAS

ADA SEORANG PUTERI yang sangat chantik. Rambutnya macham emas, kulitnya macham bunga dan suaranya seperti burung yang sedang menyanyi. Orangnya bijak dan baik hati.

Semua anak2 raja ingin kahwin dengannya. Tetapi dia melihat tiap seorang dari mereka dan berkata, "Tidak! Aku hanya akan kahwin dengan orang yang boleh dapat Epal Emas!"

Tapi malang. Epal emas sangat susah hendak didapati. Apabila mereka mendengar kata2nya semua anak2 raja itu menggeleng-gelengkan kepala mereka. Diwajah mereka nampak sedih dan mereka balik kerumah masing2 dengan hampa. Tetapi seorang anak raja yang gagah tinggal disitu.

Dia menonggang kudanya dan pergi menchari epal itu. Dia menchari dimerata-rata tempat; disungai-sungai, dibukit-bukit dan diatas pokok. Tetapi dia balik dengan tangan kosong. Dimana-mana juapun tidak ada epal emas.

Dia telah membelanjakan semua wangnya; kudanya hilang, tetapi dia terus menchari. Mukanya chengkong, pakaiannya habis robek namun dia terus juga menchari.

Pada suatu hari anak raja itu bertemu sebuah pondok kechil didalam sebuah hutan. Diketokkannya pintu rumah itu dan dia berkata kepada perempuan tua yang membuka pintu itu, "Nenek, tolong benarkan saya masuk, beri saya sedikit makanan. Saya lapar dan letih

serta tidak ada wang. Tidak ada apa2 yang dapat hendak saya berikan kepada nenek. Tapi kalau nenek suka, biarlah saya bercherita."

Perempuan tua itu membenarkannya masuk. Dia disuruh duduk dan diberi makan. Bermacham-macham makanan telah dihidangkan kepadanya. Dia merasa gembira dan chergas semula.

Selepas makan dia bercherita kepada perempuan tua itu. Dia bercherita tentang Tuan Puteri chantik dan epal emas.

Setelah tamat, perempuan tua itu bangun dan tersenyum. Dia memberi satu kotak kechil kepada anak raja itu sambil berkata, "Pergilah kekemunchak gunung yang tinggi itu dan bawa ini bersama. Disana chuchu akan lihat sebuah kebun yang indah. Didalam kebun itulah ada sebatang pokok epal berbuah emas. Tetapi pokok itu dipunyai oleh seorang gergasi. Dia sangat besar! Dia lebih besar dari apa yang terfikir oleh kita! Dia makan manusia!"

"Bukakan kotak ini bila dia datang dekat chuchu. Kalau nasib chuchu baik benda ini akan membuatnya segera tidur. Kemudian ambillah epal itu dan lari chepat2. Jangan takut. Chuchu pergilah sekarang."

Orang muda itu menguchapkan terimakasih kepada perempuan tua itu. Awal pagi esok dia pun pergi mendaki gunung itu.

Dia mendaki semakin tinggi. Tidak ada sesiapa yang melihatnya.

Gergasi itu membuka mulutnya hendak memakan anak raja itu.

Akhirnya dia sampai menembusi awan dan mulai merasa panas matahari. Tiba2 dia terpandang pokok yang dichari-charinya.

Dipanjatnya pokok itu dan dipetiknya sebiji epal emas yang besar. Diwaktu itu juga gergasi itu datang. Dia benar2 besar! Kalau dibandingkan dia tidak ubah seperti seorang manusia pada penglihatan seekor semut.

Gergasi itu menangkap anak raja itu dan ditaruhnya ditapak tangannya. Diperhatinya anak raja itu. Kemudian dia tersenyum dengan senyuman yang mengerikan. Dia membuka mulutnya hendak memakan anak raja itu. Anak raja itu sangat takut hingga botol yang diberikan oleh perempuan tua itu kepadanya hampir2 terlepas dari tangannya. Akhirnya botol itu terbuka. Ditaruhnya botol itu dibawah hidung gergasi itu.

Mata gergasi itu tiba2 tertutup. Dia terbaring diatas tanah dan segera tidur.

Orang muda itu terus turun dari jari gerasi yang besar itu. Dia berlari sekuat-kuat hatinya. Dia turun dari kemunchak gunung itu. Sepanjang hari itu dia berlari sahaja!

Kemudian dia berjalan pula tidak berhenti-henti. Akhirnya dia sampai pada astana puteri itu tadi.

Bila beriumpa, puteri itu tidak kenal lagi kepadanya. Mukanya chengkong, dan pakaiannya robek dan kotor. Tetapi bila dia berchakap puteri itu tersenyum dan menghampirinya.

"Beta kenal siapa tuan hamba," katanya. "Tuan hambalah putera yang pergi menchari epal emas untuk beta. Dapatkah tuan hamba mencharinya?"

Anak raja itu mengambil epal itu dari dalam sakunya dan memberikannya kepada puteri itu.

"Inilah dia epalnya, Tuan Puteri," katanya. "Dapat juga akhirnya."

Tidak berapa lama lepas itu putera dan puteri itu pun dikahwinkan dan mereka hidup gembira sepanjang masa. Tetapi tidak seorang pun yang tahu tentang epal emas itu. Tidak ada orang yang pernah melihatnya.

DAMAK DENGAN SONGKOK HITAMNYA

PADA SUATU MASA ada seorang pemuda bernama Damak. Dia tinggal dalam sebuah rumah kechil ditepi laut. Dia menangkap ikan dilaut untuk makanannya. Dia mendapat wang untuk membeli berasnya dengan menjual kayu api. Dia selalu gembira; bekerja sambil menyanyi.

Pada suatu hari sedang dia menchari kayu api, dia terdengar orang berteriak. "Tolong! Tolong selamatkan saya ! ! ! ! "

Damak melempar kayu yang dibawanya dan pergi ketebing. Dia ternampak seorang gadis hampir lemas didalam laut.

Damak segera terjun kedalam air dan menariknya ketepi. Kemudian dihantarkannya gadis itu kerumahnya.

Ayah gadis itu menghadiahkan dia sebuah songkok. Songkok itu hitam seperti malam yang gelap. Ianya ringan seperti bulu burung. Songkok itu sangat chantik dan Damak sangat sayang kepadanya.

"Kalaulah aku menjadi Raja," katanya, "aku tidak akan minta mahkota yang lebih baik dari ini."

Songkok itu sentiasa dipakainya. Bila matahari terik ia menyejukkan kepalanya. Bila hujan ia melindungi kepalanya dari basah. Bila angin bertiup deras dilekapnya songkok itu kekepalanya supaya kepalanya panas.

Damak berlari-lari mengejar burung itu.

Dia berjanji yang dia tidak akan berpisah dengan songkok itu. Dia akan sentiasa menyimpan dan menjaganya selalu.

Pada suatu hari, ketika dia sedang memotong kayu, dia terdengar bunyi bising diatas kepalanya. Dia mendongak keatas. Dia berteriak tetapi sudah terlambat.

Seekor burung besar menerkam kepadanya. Damak mengangkat tangannya untuk memburu burung itu. Tetapi dia tidak pula memegang songkoknya. Burung itu pun menerkam songkoknya.

"Oh! Songkokku! Songkok kesayanganku!!!" Damak berteriak. "Jatuhkan wahai burung! Kembalikan songkokku!"

Tetapi burung itu tidak faham apa yang dikatakanya. Ia terbang terus semakin jauh. Damak berlari-lari mengejar burung itu. Walaupun jalan itu berbatu besar2 dan payah hendak dilalui, dia terus mengejar hingga sampai kebukit-bukit.

Akhirnya dia berjumpa juga burung besar itu. Burung itu tidak nampak dia datang. Songkok Damak terletak dekat dengannya.

Damak membaling kapaknya keudara. Kapak itu jatuh dengan kuatnya melekat ketanah. Tetapi ia tidak pula mengena burung itu. Burung itu segera terbang meninggalkan songkok itu disitu.

"Oh! Shukur! Aku dah dapat balik songkokku," teriak Damak dengan gembira.

Songkok itu dipakainya semula. Dipegangnya gagang kapaknya. Tetapi kapak itu tidak pun bergerak. Ia melekat disitu dan tidak dapat dichabut. Ditariknya kuat2 dan akhirnya ia terchabut juga.

Apakah yang ternampak dari lobang bekas kapak itu melekat?

Emas! ketul2 emas yang berkilau-kilauan!

Damak mengisikan sakunya dengan emas itu. Songkoknya juga diisikanya dengan emas! Emas itu diambilnya banyak2 hingga payah dia hendak berjalan.

Mulai dari hari itu dia jadi kaya. Dia tidak pergi menangkap ikan lagi. Dia tidak lagi pergi menchari kayu api. Dia membuat sebuah rumah besar dan dia berkahwin dengan gadis yang diselamatkannya dari laut dulu.

Dia gembira sepanjang masa. Dan, dia senantiasa memakai songkoknya. Dia akan memakainya buat selama-lamanya.

DENDAM BUAYA

INI IALAH SEBUAH cherita lama mengenai buaya. Cherita ini berlaku di Sungai Semerahan beberapa tahun dahulu.

Dalam sungai itu ada banyak buaya. Pada masa itu buaya2 tidak garang. Mereka tidak pernah makan kanak2. Tidak pula mereka memakan anjing. Tetapi sejak perkara ini berlaku buaya mulai berubah menjadi garang.

Suatu malam telah diadakan temasha gendang disebuah kampung ditepi Sungai Semarahan. Temasha itu diadakan bagi menyambut tamatnya musim menuai. Banyak pemuda telah pergi ketemasha itu. Diantara mereka ada tujuh orang pemuda yang agak berlainan. Orang2 kampung itu ingin tahu darimana mereka datang. Tetapi apabila temasha gendang itu tamat, pemuda bertujuh itu lekas2 meninggalkan kampung itu.

Seorang tua menyangka yang pemuda bertujuh itu adalah buaya. Dia tidak dapat hendak mempastikan ini, dan dia hendak membuktikannya. Dia mengadakan meshuarat dengan orang2 kampung itu. Dia menerangkan tentang ranchangannya hendak mengetahui dari mana datangnya pemuda tujuh orang itu. Jadi pada suatu malam mereka mengadakan temasha gendang sekali lagi dikampung mereka.

Bila temasha gendang dimulakan, pemuda bertujuh itu datang lagi. Orang2 tua dikampung itu meninggalkan rumah itu dengan senyap2. Ada diantara mereka

pergi kekaki bukit kerana mereka sangka yang pemuda2 itu datang dari bukit itu. Yang lain pula pergi kesungai. Tidak lama selepas itu mereka terdengar orang berlari-lari menuju kesungai. Yang datang itu ialah pemuda tujuh orang tadi.

Orang2 itu bersembunyi dan menunggu untuk melihat apa yang akan dilakukan oleh pemuda2 itu. Pemuda2 itu masuk kedalam semak dan lepas itu mereka terjun kedalam sungai itu. Orang2 itu dapat melihat yang mereka telah bertukar menjadi buaya. Sekarang mereka sudah pasti siapa sebenarnya pemuda2 itu; mereka yakin yang buaya boleh menjelmakan dirinya sebagai manusia.

Salah seorang dari mereka ingin menangkap salah seekor dari buaya2 itu dan dia mahu ia tinggal jadi manusia. Untuk itu dia mengadakan temasha gendang. Dia sendiri bersembunyi sambil menanti dekat sungai itu.

Beberapa ketika, dia terlihat air sungai itu mulai bergerak-gerak.

Tujuh ekor buaya sedang berenang menuju ketebing sungai. Disana mereka menukarkan diri mereka menjadi tujuh orang pemuda. Sarung2 buaya mereka, mereka sangkut pada dahan kayu.

Kemudian mereka pergi ketemasha gendang itu. Bila mereka sudah pergi orang itu tadi mengambil salah satu dari sarung2 itu dan menyembunyikannya.



Orang2 muda itu bertukar menjadi buaya!

Sampai masanya pemuda2 itu balik. Mereka mengambil sarung masing2 dan terjun kedalam sungai. Tetapi salah seorang daripada mereka tidak dapat menchari sarungnya. Yang enam lagi naik semula untuk tolong menchari. Tetapi sarung itu tidak juga terjumpa oleh mereka.

Seekor dari mereka terlihat bekas tapak kaki manusia diatas lumpur. Dengan itu mereka tahu seorang menusia telah mengambil sarung buaya itu.

Buaya yang enam ekor itu terus terjun kedalam sungai dan berenang lagi.

Yang tinggal itu menangis apabila yang lain itu berkata yang dia terpaksa tinggal sebagai seorang manusia. Dia tidak ingin tinggal sebagai manusia. Dia mahu jadi buaya lagi. Dia terus menangis. Dia ingin berjumpa saudara2nya berenam dan dia rindukan ayah dan ibunya. Akhirnya dia mati kerana patah hati.

Saudara2nya yang enam itu sangat marah. Mereka hendak membela kematian saudara mereka. Sejak peristiwa itu buaya mulai menangkap dan memakan manusia tetapi buaya yang enam ekor tadi hanya akan membunuh saudara mara orang yang menyebabkan kematian adik mereka.

Sejak dari itu buaya jadi ganas. Orang2 tidak dapat lagi berenang disungai itu. Mereka tidak dapat pergi jauh dalam sungai. Mereka tidak dapat mengambil air

dalam sungai untuk memasak, membasuh dan menchuchi. Mereka terpaksa berpindah dari kampung itu. Tetapi enam ekor buaya itu tetap akan menchari keturunan orang yang membawa kematian adik mereka. Dari hari itu hingga sekarang pun buaya menangkap dan membunuh manusia.

AIR TERBAKAR

ADA DUA ORANG yang selalu berbantah-bantah. Ini adalah disebabkan oleh salah seorang dari mereka mengambil parang yang seorang lagi. Tetapi dia tidak mahu mengembalikannya. Kononnya parang itu sudah dimakan semut.

Orang yang empunya parang itu tidak perchaya. Sebab itulah mereka selalu bergaduh.

Akhirnya keadaan menjadi lebih buruk. Mereka terpaksa berjumpa Raja.

Bila mereka telah habis menyembah, Raja pun berkata kepada mereka "Beta belum pernah mendengar semut makan parang. Sungguh susah hendak diperchayai cherita seperti itu. Mari Sang Kanchil, tolong beta menyiasat perkara ini," titah Baginda.

"Hm . . . mm . . . m . . . " kata Sang Kanchil. "Patik perlu memikirkan perkara ini," sambungnya dan ia terus keluar berjalan-jalan.

Tidak berapa lama lepas itu Sang Kanchil sampai ketepi sungai. Ia duduk berfikir. Tiba2 ia terpandang sebuah ladang yang dekat disitu bekas terbakar. Sang Kanchil tersenyum seorang diri.

"Sekarang aku tahu apa nak buat," kata Sang Kanchil. Ia pergi keladang yang terbakar tadi dan menguling-gulingkan dirinya diatas abu. Bila ia berdiri semula bulunya jadi hitam dan kotor. Ia tidak kelihatan macham Sang Kanchil lagi.

Sang Kanchil menguling-gulingkan dirinya diatas abu itu.

Bila ia balik Raja hairan melihatnya. "Eh! Binatang apa kotor ni?" tanya Baginda. Kemudian bila baginda perhati tepat2 baginda pun bertitah, "Kasihan Sang Kanchil, apa yang dah terjadi? Kenapa pakaian tuan hamba hitam sangat?"

"Oh! Ampun Tuanku, kesahnya begini Tuanku. Bila patik pergi kesungai, sungai itu terbakar. Hampir2 semua air didalamnya hangus; jadi sedaya upaya patik, patik chuba memadamkan api itu. Patik mengolek-golek badan patik hingga api itu reda. Sebab itulah badan patik jadi hitam dan kotor begini, Tuanku."

Bila mendengar kesah ini Raja pun murka, "Dusta!" titah baginda dengan suara lantang. "Air tidak boleh terbakar. Kenapa tuan hamba berani membodoh-bodohkan beta?"

Kemudian Sang Kanchil menyembah, "Janganlah murka, wahai Tuanku yang adil. Tolonglah dengar sembah patik. Salah seorang daripada orang2 ini telah berkata yang parang itu telah dimakan semut. Patik pula berkata yang air sungai terbakar. Tetapi Tuanku tahu yang air tidak boleh terbakar dan patik tahu yang semut tidak makan parang."

"Kenapa tidak diperentahkan orang menchari parang itu? Patik yakin kita akan berjumpa. Parang itu disembunyi pada suatu tempat. Patik fikir orang ini sengaja tidak mahu mengembalikannya. Sebab itu dia berkata yang parang itu telah dimakan semut."

Setelah menchari, orang2 raja pun berjumpa parang itu. Ia tidak dimakan semut tetapi hanyalah sengaja disembunyikan.

Raja sangat murka kepada orang yang membuat cherita yang bukan2 itu. "Kalau tuan hamba berbuat bohong lagi," titah Baginda, "beta akan potongkan kepala tuan hamba dengan parang ini."

Raja memberi balik parang itu kepada tuan punyanya. Kemudian Baginda menguchapkan terimakasih kepada Sang Kanchil atas pertolongannya.

"Pergi balik kesungai dan chuchi badanmu," titah baginda. "Kamu terlalu kotor untuk dudok dekat beta!"

SANG KANCHIL DENGAN BUAYA

SUATU PAGI SANG Kanchil hendak menyeberang sebuah sungai. Beberapa kali ia menchuba tetapi tidak berjaya. Sungai itu terlalu dalam dan besar. Disitu juga tidak ada jembatan.

Tiba2 ia terlihat Sang Buaya sedang merayap diatas tebing. "Selamat pagi, Buaya," kata Sang Kanchil. "Aku sedihlah bila memikirkan yang jumlah buaya dalam keluargamu hanya sedikit!"

"Jangan jadi bodoh!" jawab Buaya. "Semua orang tahu yang keluarga aku besar hingga payah hendak dihitung jumlahnya!"

"Oh!" kata Sang Kanchil, "kau bohong."

Lepas itu Sang Kanchil berkata lagi. "Kenapa tidak kau suruh mereka semua kemari? Biar aku hitung berapa banyak jumlahnya. Tapi aku yakin tidak banyak!"

"Baiklah," kata Buaya itu. "Aku akan kumpulkan mereka semua kemari untuk berjumpa kau." Dan ia terus berenang kehilir sungai itu.

Bila Buaya datang semula kesitu semua ahli keluarganya dibawa bersama. Datuk, nenek, ibu, bapak, isteri dan anak2nya, bang, kakak, adik, bapak dan emak saudara-nya, anak2 saudaranya serta semua sahabatnya datang. Pendek kata tiap2 buaya dalam keluarganya datang ketempat Sang Kanchil menunggu itu.



"Satu, dua, tiga," ia menghitung sambil melompat dari seekor keseekor buaya2 itu.

"Hm . . " kata Sang Kanchil, "Aku tak dapat menghitung kalau kamu berenang kesana kemari macham tu. Tolonglah bersusun dari tebing ini ketebing sana."

Buaya2 itu pun bersusun dalam satu barisan yang lurus merentang sungai yang lebar dan keruh itu.

"Sekarang aku dah sedia untuk menghitung kamu," kata Sang Kanchil. "Satu, dua, tiga," ia menghitung sambil melompat dari seekor keseekor yang lain. "lima, enam, tujuh."

Sang Kanchil menghitung sambil melompat dan membilang hingga sampai ketebing sebelah sungai itu.

Apabila sampai ketebing seberang Sang Kanchil ketawa. "Kau buaya2 semua bodoh!" katanya. "Aku tak peduli berapa banyak jumlah kamu. Aku chuma hendak menyeberang sungai ini. Terimakasih banyak atas pertolongan kamu. Selamat tinggal!" dan Sang Kanchil pun berlari masuk kedalam hutan.

Semua buaya2 itu merasa marah. Datuk buaya menghempas ekornya keatas air yang keruh itu. "Kau binatang kurang ajar" katanya. "Ingat kau! Jangan hampir lagi kepada kami. Kalau kami jumpa kau kami akan makan kau."

Sejak hari itu Sang Kanchil terpaksa berjaga-jaga bila hendak menyeberang sungai itu. Seboleh-bolehnya ia mesti menchari jambatan.

"Suatu hari nanti Sang Kanchil mesti datang juga kesungai ini lagi. Aku akan berbaring ditepi sungai dan berlaku seperti batang mati, barulah senang hendak menengkapnya," kata Buaya.

Buaya pun berbaring dekat sungai itu dengan tidak bergerak-gerak. Kalau tidak diperhati benar2 nampaknya memang seperti batang mati.

Lama juga Buaya menunggu.

Akhirnya Sang Kanchil datang. "Hmm," katanya. "Kalau tak salah itu macham batang mati. Oh! bukan, itu bukan batang," katanya. Jadi dia pun berkata, "Kalau kau buaya, jangan bergerak! Kalau kau batang mati bergeraklah!"

"Kalau aku tidak bergerak tentu ia tahu yang aku ini buaya," fikir Buaya. Jadi ia pun menolak-nolak kakinya hingga ia terlentang.

"Oh! Buaya bodoh!" Sang Kanchil tertawa. "Tidakkah kau tahu yang batang tak boleh bergerak?" Dia berlari kedalam hutan sambil ketawa. Buaya menggigit-gigit kosong menahan geram. Dia sangat marah!

Pada hari berikutnya Buaya mengumpul daun2 dan ranting2 untuk membuat sebuah pondok kechil. Kemudian diambilnya buah simpur yang merah dan diletakkannya dimuka pintu pondok itu. Ia tahu yang Sang Kanchil suka makan buah simpur. Lepas itu ia masuk kedalam pondok itu menunggu Sang Kanchil datang.

"Hm . . . " kata Sang Kanchil, "buah simpur! Kalau tak salah belum pernah aku melihat pondok itu." Ia melihat kedalam menerusi lubang diantara daun2 dan ranting2. Ia melihat Buaya sedang menunggu!

Sang Kanchil tidak berlengah-lengah lagi. Ia terus chepat berlari kedalam hutan. Ia pun berjumpa Harimau.

"Oh! nasib baik saya berjumpa saudara Harimau," kata Sang Kanchil. "Saya baru saja terlihat seekor babi yang gemuk sedang duduk dalam pondok kechil ditepi sungai. Saya perchaya tentu saudara ingin makan babi untuk petang ini."

Harimau berfikir, babi gemuk tentu sedap dimakan. "Dimana babi itu?" tanya Harimau.

"Mari saya tunjukkan saudara kesana," kata Sang Kanchil dengan lemah lembut. Harimau pun menurut dibelakang Sang Kanchil berjalan melalui hutan itu.

"Disinilah dia, Saudara Harimau; selamat makan," kata Sang Kanchil, dan ia terus lari.

Harimau terus menerpa kepondok itu. Buaya membuka mulutnya menangkap Harimau dan Harimau pula membuka mulutnya menggigit Buaya!

Mereka berkelahi dengan hebatnya! Mereka gigit menggigit. Mereka berhempas pulas hingga kedua-duanya sama2 letih dan berhenti. Lepas itu Harimau balik kehutan dan Buaya merayap kesungai.

Sekarang Harimau juga jadi sangat marah kepada Sang Kanchil. Tetapi Sang Kanchil tidak pernah bimbang, ia gembira dan menyanyi terus menerus.

Sebab berkelahi dengan Harimau, buaya telah chedera teruk. Ia berbaring sahaja ditepi tebing sungai. Ia tidak dapat masuk kedalam sungai kerana air yang sejuk membuat luka2nya sakit. Ia merasa sangat sengsara dan letih. Hari demi hari ia berbaring terus hingga ia hampir mati.

Pada suatu hari Sang Kanchil datang ketebing sungai itu. Ia terlihat Buaya sedang berbaring. Pada mulanya ia menyangka buaya hendak mengintai dia.

"Ha . . ha . . buaya!" kata Sang Kanchil. "Aku tahu yang kau mahu agar aku menyangka engkau batang mati. Tapi kau takkan dapat menipu aku begitu!"

Kasihan. Buaya terlalu sakit hingga tidak dapat menjawab. Sang Kanchil mendekatinya. Bila dilihatnya buaya sedang sakit tenat ia merasa kasihan.

"Aku mesti menolongnya," fikir Sang Kanchil. "Aku akan ambil sedikit daun2 untuk ubatnya. Aku akan chuba menyembuhkannya." Ia pun pergi menchari daun2 itu.

Tiap hari binatang kechil itu pergi menchari ubat untuk Buaya. Ditaruhnya daun2 itu pada luka2 Buaya.

Tidak lama lepas itu buaya pun sembuh. Suatu pagi ia membuka matanya. Ia terlihat Sang Kanchil berada disisinya.

"Selamat pagi, Sang Kanchil. Apa kau buat disini?" ia bertanya.

"Oh! Selamat pagi, sahabatku Sang Buaya," jawab Sang Kanchil. "Aku harap kau sudah sembuh. Aku sangat gembira melihat kau sudah dapat membuka mata. Tak lama lagi kau akan sembuh. Maafkan aku

kerana terlalu jahat hinggakan kau jadi marah. Bolehkah kita bersahabat kembali?"

"Oh! Ya! Sudah tentu," kata Buaya.

Jadi dua ekor binatang itu pun berkawanlah dengan aman dan bahagia. Tetapi kalau saya, saya tidak mahu berkawan dengan buaya, bagaimana?

BUNYI WANG

PADA SUATU HARI seorang kaya datang mengadap Raja. "Ampun Tuanku, patik datang ini adalah untuk mengadu tentang dua orang budak yatim piatu. Mereka tinggal dalam kebun patik. Tiap2 kali waktu makanan patik sedang dimasak mereka datang kepintu dapur rumah patik. Mereka berdiri disana untuk menchium bau yang sedap dari makanan patik yang sedang dimasak itu. Mereka menjadi sihat kerana menchium makanan itu."

"Budak2 ini akan pindah dari situ. Patik fikir sebelum mereka pergi mereka mesti membayar apa2 yang mereka chium dari dapur patik selama ini. Ampun Tuanku."

Bila Raja mendengar sembah orang itu, baginda menyuruh Sang Kanchil duduk dekat baginda. "Tolong beta mengajar orang ini," titah baginda kepada binatang yang bijak itu.

"Baiklah, Tuanku," jawab Sang Kanchil. "Tolong Tuanku berikan patik seribu keping wang perak. Patik akan kembalikan kepada tuanku nanti."

Baginda pun memerintah agar wang itu diberi kepada Sang Kanchil. Wang itu ditaruh didalam karung dan diletakkan dekat kerusi Sang Kanchil.

"Ya, memang patut benar budak2 ini disuruh membayar apa2 yang mereka chium," kata Sang Kanchil. "Tapi apa boleh buat mereka budak miskin. Tidak mengapalah, aku boleh beri wang itu kepadamu. Tetapi tolong aku menghitung wang ini."

Orang kaya itu pun bersedia untuk mengambil wang2 itu.

Orang kaya itu suka benar mendengar bunyi wang itu jatuh keatas meja. Mereka menghitung sekeping2.

Seratus . . . dua ratus . . . . tiga . . . . empat . . . lima . . . enam . . . dan akhirnya seribu keping wang perak telah dihitung.

Wajah orang kaya itu berseri-seri tanda gembira. Dia membuka tangannya hendak mengambil wang itu. Tetapi dilarang oleh Sang Kanchil.

"Jangan, kau tidak boleh mengambil wang ini. Kau telah puas mendengar bunyi wang itu jatuh. Kau suka mendengarnya, bukan? Sekarang kau mesti bayar kerana kau seronok mendengar bunyi wang itu jatuh. Wang ini wang aku dan kau mesti membayar kepadaku!"

Sang Kanchil menaruh wang itu kedalam karung. Wajah orang kaya itu berubah menjadi muram. Dia sangat ingin mengambil wang seribu keping itu. Dia mulai menangis.

Melihat kejadian itu Raja pun bertitah kepada orang kaya itu. "Tuan hamba sungguh jahat. Hanya orang jahat sahajalah yang menyuruh budak miskin membayar apa yang mereka chium. Kalau orang baik tentu dia yang memberi makan budak yatim piatu itu. Pergi dari sini! Ubah perangai tuan hamba menjadi orang baik."

SANG KANCHIL DENGAN LUBANG

PADA SUATU HARI Sang Kanchil berjalan-jalan dalam hutan. Sambil berjalan ia ashik makan kuih yang ditaruh dalam daun pisang.

Ia tidak melihat dimana ia berjalan itu. Tiba2 ia terjatuh kedalam lubang. Lubang itu dalam dan susah hendak keluar darinya. "Aku mesti berikhtiar bagaimana hendak keluar," kata Sang Kanchil.

Tiba2 ia terdengar bunyi sesuatu. Rupa2nya Babi yang datang dan menjenguk kedalam lubang itu.

"Siapa dibawah sana?" tanya Babi.

Sang Kanchil tidak menjawab. Ia pura2 membacha sesuatu dari daun pisang tadi. Babi dapat mendengar dengan jelas apa yang dibachakannya.

"Tuhan telah berfirman yang langit akan runtuh hari ini. Semua binatang yang tidak mahu terbunuh hendaklah masuk kedalam lubang ini."

"Ooooh, aku akan terjun," kata Babi. "Aku tak mahu ditimpa langit."

"Tunggu!" kata Sang Kanchil. "Hanya binatang2 yang sihat sahaja yang dibenarkan masuk kedalam lubang ini."

"Aku sihat," jawab Babi.

"Mana boleh, kau berpenyakit. Kau selalu bersin. Tidak siapa yang dibenarkan bersin dalam lubang ini." kata Sang Kanchil.

Ia pura2 membacha sesuatu dari daun pisang itu.

"Aku tidak akan bersin. Aku akan berusaha tidak akan bersin," kata Babi.

"Disini menyatakan," tambah Sang Kanchil, membacha lagi dari daun pisangnya, "barang siapa bersin dalam lubang ini mesti dihumban keluar."

"Aku takkan bersin. Aku terjun sekarang!" teriak Babi dan ia terus terjun.

Lepas itu harimau pula menjenguk kedalam lubang itu. "Siapa dibawah sana?"

"Hari ini langit akan runtuh," kata Babi. "Tuhan telah menuliskannya diatas daun pisang Sang Kanchil. Ia menyatakan sesiapa yang tidak mahu terbunuh hendaklah masuk kedalam lubang ini. Sebab itulah kami berada dalam lubang ini."

"Kalau begitu aku mesti masuk juga," kata Harimau.

"Diatas daun ini tertulis," kata Sang Kanchil, "siapa saja yang bersin mesti dihumban keluar."

"Aku takkan bersin," kata Harimau, dengan tergopoh gapah terjun masuk kedalam lubang itu.

Sang Kanchil terus membacha dengan tujuan agar semua binatang akan mendengarnya. Diwaktu itu gajah sampai dekat lubang itu dan menjenguk kebawah. "Siapa dibawah sana?" ia bertanya.

"Hari ini langit akan runtuh," kata Harimau.

"Tuhan telah menulisnya diatas daun pisang Sang Kanchil," sambung Babi pula.

"Habis, kenapa pula kamu berada dalam lubang itu?" tanya gajah.

Sang Kanchil membacha lagi dari daun pisang itu, "semua mereka yang ingin bersembunyi hendaklah masuk kedalam lubang ini."

"Kalau begitu aku juga akan terjun kebawah," kata Gajah.

"Jangan, jangan!" teriak Harimau dan Babi serentak. "Kau besar sangat dan kau selalu bersin! Kau bersin dengan dahshatnya. Walaupun hanya sedikit kau bersin kau terpaksa dihumban keluar. Kau terlalu besar untuk kami humbankan!"

"Oh! aku takkan bersin," kata Gajah dan ia terus terjun.

Sang Kanchil membacha daun pisangnya lagi dan kemudian melihat pada Gajah. "Chepat keluar!" katanya, "nampaknya kau hendak bersin!"

"Tidak. Aku takkan bersin!" kata Gajah sungguh2 sambil memichit hidungnya supaya ia tidak dapat bersin.

Sang Kanchil terus pula melihat pada Harimau. "Ek! Apa yang kudengar ni?" katanya.

"Tidak! aku tak bersin, tak ada!!! jawab Harimau chemas.

Sang Kanchil terus membacha. Tiba2 mukanya nampak pelik. Ia memegang hidungangnya. "Oh! Jangan!" katanya, "Jangan! Aku tak mahu!" tetapi,

"Achooooh!" Sang Kanchil bersin dengan nyaringnya.

Binatang2 itu menjadi riuh. "Aaaaa, dia yang bersin!" kata mereka. Mereka sama2 menghumban Sang Kanchil keluar.

Sekarang Sang Kanchil sudah berada diluar lubang itu. Ia berjalan melalui hutan itu sambil menyanyi dengan gembiranya. Ia sudah dapat keluar sekarang. Tetapi langit tidak juga runtuh.

RAJA HUTAN

SANG KANCHIL TINGGAL bersama-sama binatang2 lain dalam sebuah hutan. Binatang2 itu termasuk harimau, singa, beruang, kera dan lain2 lagi.

Sang Kanchil lebih kechil daripada kebanyakan binatang2 itu. Ia perlu berhati-hati, kalau tidak mereka akan menangkap atau memakannya. Ia tahu yang harimau, singa dan beruang sangat suka makan pelandok muda.

"Aku mesti chari jalan supaya mereka takut kepadaku," katanya seorang diri. "Kalau sudah begitu tentu mereka tidak akan chuba menangkap aku lagi."

Pada suatu hari Sang Kanchil terjumpa sebuah lubang pada sebatang pokok yang besar. Ia chepat2 menutup lubang itu supaya tidak dilihat oleh binatang2 lain. Kemudian ia berteriak, "Mari! Biar kita lihat siapa yang paling kuat. Mari chepat!"

Bila binatang2 itu datang Sang Kanchil berkata, "Selamat pagi kawan2. Dengar betul2 apa yang harus kita buat. Kamu mesti menendang pokok ini. Kita saksikan siapa yang dapat membuat lubang yang paling besar dialah yang paling kuat. Semua dah sedia? Mari sini, Tuan Harimau, Tuan menendang dulu."

Sang harimau menendang sekuat-kuat hatinya, tetapi ia hanya dapat membuat sedikit kesan pada pokok itu.

"Itu tak kuat," kata Sang Kanchil. "Sekarang giliran Tuan Singa pula."

Ia nampak seperti orang menari-neri sahaja menendang pokok itu.

Singa menendang sekuat-kuat hatinya tetapi ia hanya menyakitkan kakinya sahaja. Tiada pun apa2 kesan pada pokok itu.

Semua binatang itu menchuba sedaya upaya mereka tetapi tidak ada yang berjaya membuat lubang.

"Baiklah, izinkan saya pula menchuba," kata Sang Kanchil. "Walaupun saya nampak lemah sahaja, tetapi biar saya tunjukkan betapa kuatnya saya sebenarnya."

"Ha . . . ha . . . ha," semua binatang2 itu ketawa. "Binatang kechil macham kau chuba nak membuat lubang pada pokok tu? . . . ha . . . ha . . . ha . . ."

Sang Kanchil diam sahaja. Ia menghampiri lubang yang telah ditutupnya tadi. Dengan diam2 ia menendang; ia nampaknya macham orang menari sahaja. Dengan segera binatang2 itu ternampak satu lubang yang besar pada pokok itu. Mereka sangat hairan dan tidak tahu apa hendak dikata.

"Mustahil!" kata mereka. "Ini tak boleh jadi."

"Betul!" kata Sang Kanchil. "Lihatlah sendiri".

Bila mereka melihat sekali lagi dan mendapati yang Sang Kanchil benar2 membuat lubang pada pokok itu mereka semua diam.

Kemudian harimau mendekati Sang Kanchil. "Kaulah yang paling kuat, Sang Kanchil," katanya. "Saya minta maaf kerana kami mentertawakan kau. Sejak dari sekarang engkaulah Raja kami. Kami akan turut segala perintahmu. Hidup Sang Kanchil Raja kami!"

Selepas itu Sang Kanchil tidak perlu takut lagi. Ia menjadi Raja yang bijak dan semua binatang datang minta tolong kepadanya.

Mereka tidak akan lupa peristiwa pada pokok dahulu. Mereka selalu hati2 kerana takut ia akan marah. "Kalau ia boleh membuat lubang besar pada pokok itu tentu ia sangat kuat," fikir mereka. "Kita mesti pandai mengambil hatinya dan membuat ia gembira selalu."

SANG KANCHIL YANG SENTIASA BETUL

SEEKOR KERA MERASA sangat sunyi. Ia tidak ada teman berchakap dan tidak tahu apa hendak dibuat. Bila dilihatnya babi, kawan baiknya datang, ia merasa sangat gembira.

"Apa khabar," tegurnya. "Kenapa kau berjalan pantas sangat? Berhentilah sekejap kita berchakap-chakap."

"Aku tak boleh berhenti lama," jawab Babi. "Aku nak tangkap Sang Kanchil."

"Kenapa kau nak tangkap dia?" tanya Kera.

"Apa, kau tak tahu? Tak ada kau dengar yang Sang Kanchil akan menghadiahkan sekarung kachang kepada mana2 binatang yang dapat menangkapnya? Ia bermegah yang ia sangat bijak dan tidak seekor binatang pun boleh menangkapnya."

"Aku juga inginkan sekarung kachang," kata Kera.

"Aku pun begitu juga," kata Babi. "Semua kita begitu. Tapi bukan mudah nak tangkap Sang Kanchil tu. Aku dah chuba tapi gagal."

"Apa yang dah kau buat?" tanya Kera.

"Begini. Mula2 kuchari pisang yang sedang masak ranum. Lepas itu kutaruh pisang itu dekat rumahnya," kata Babi. "Kemudian aku bersembunyi dibelakang pokok."

Dihadapan anjing itu diletaknya rumput, dan dihadapan kambing pula diletaknya nasi.

"Tak lama selepas itu, Sang Kanchil menjengok keluar dan terlihat pisang itu, 'Oi! sedap nampaknya pisang tu, katanya. Entah siapa yang menaruhkannya disitu?'

"Kemudian ia pun menjengok lebih keluar untuk melihat sekeliling, 'kalau tak salah aku terlihat Babi dibelakang pokok tu,' katanya. 'Aku dapat lihat bekas tapak kakinya atas tanah! Keluarlah Babi! Aku tahu dimana kau. Balik saja dan jangan fikir kau dapat menangkap aku!' Jadi aku balik kerumah," kata Babi. "Tapi aku rasa macham orang bodoh dibuatnya."

"Kasihan!" kata Kera. "Tidak mengapalah; aku akan chuba esok. Kalau aku dapat kachang nanti aku akan bahagi sedikit kepadamu."

Pagi esoknya awal2 lagi Kera membawa kambing dan anjingnya ketempat tinggal Sang Kanchil.

"Baik aku tambat anjing dan kambing ini supaya mereka tak dapat lari," katanya. "Anjing boleh diikat dekat pokok ini dan kambing pula dekat sana."

Dihadapan anjing itu diletaknya rumput dan dihadapan kambing pula diletakkannya nasi. Lepas itu ia tidur dibawah pokok itu.

Anjing hendak makan nasi dan kambing pula hendak makan rumput, tetapi apa yang ada dihadapan mereka ialah makanan2 yang tidak boleh dimakan mereka! Kedua2 binatang itu susah hati dan lapar. Mereka pun manangis.

Sang Kanchil menjengok keluar rumah dan melihat apa yang berlaku. "Kera!" teriaknya. "Kera! Bangun! Kenapa kau bodoh sangat? Anjing kau beri rumput dan kambing pula kau beri makan nasi! Chuba tukarkan! Kasihanlah sedikit binatang2 tu."

Kera membuka sebelah matanya dan berkata, "kau salah! Anjingku makan rumput dan kambingku pula makan nasi."

"Chubalah kau lihat betul2, mereka tak makan makanan2 tu!

"Aaah! Itu chuma kerana mereka tak lapar!" kata Kera.

"Anjing dan kambing sentiasa lapar," kata Sang Kanchil. "Aku perchaya yang aku sentiasa betul. Baiklah, biar aku buktikan yang aku betul!" Ia berlari keluar dan chepat2 menukarkan tempat rumput dan nasi itu.

Sedang ia melakukan itu Kera segera berlari dari belakang dan menangkapnya. Sambil tersenyum Kera berkata, "Ha! sekarung kachang, Kanchil, sekarung kachang untukku. Sekarang aku dah tangkap kau!"

"Oh! Rupanya aku dah tertipu oleh seekor kera kechil," kata Sang Kanchil. "Nampaknya kau jauh lebih bijak dari binatang2 lain dalam hutan ini."

"Tapi pandai pun kau, ada juga perkara yang kau lakukan yang tak betul. Lihat tu. Anjing memang suka makan nasi dan kambing pula makan rumput. Kau salah tentang itu."

"Tidak," jawab Kera. "Aku senghaja berkata begitu kerana aku hendak memerangkap kau. Sekarang tolong berikan aku sekarung kachang yang kau janjikan. Aku dah berjanji kepada Babi untuk memberi sedikit kepadanya."

Sang Kanchil terpaksa memberi kachang itu. Ia tertipu kerana ia tidak pernah salah. Sang Kanchil sentiasa betul.

MIMPI DIWAKTU SIANG

PADA SUATU HARI, seekor rusa merasa sangat letih. Ia pun berhenti kerana hendak tidur. Ia tahu yang tempat itu tidak baik dan tidak selamat untuk tempat tidur. Tetapi ianya terlalu letih untuk berjalan terus.

Bila ia terbangun didapatinya seekor singa sedang memerhatikannya. Singa itu berdiri hampir benar dengannya.

Rusa itu berdiri dan undur sedikit. Ia sangat takut. "Selamat tinggal Tuan Singa, saya terpaksa pergi sekarang," katanya.

"Oh! tidak boleh!" kata singa itu. "Aku takkan benarkan kau pergi. Dalam mimpiku tengah hari tadi, engkau adalah makananku untuk petang ini. Ha! ha! ha! !" singa itu ketawa. Dalam fikirannya rusa itu tentu sedap dimakan.

Kasihan! Rusa itu merasa sangat takut dan mulai menangis. Ia tidak tahu apa hendak dibuat.

Sang Kanchil yang melintas disitu terdengar bunyi singa itu ketawa, dan terus menghampiri mereka. "Apa khabar, kawan? Apa halnya ni?"

Singa pun mencheritakan tentang mimpinya tengah hari tadi. "Mimpi diwaktu siang adalah benar," katanya

"Apa fikiran kau tentang hal ini?" tanya Sang Kanchil kepada rusa itu.

"Patik bermimpi yang permaisuri Tuanku adalah isteri patik," kata Sang Kanchil.

Rusa itu semakin kuat menangis. "Benar sungguh kata2 singa itu, tapi aku tak mahu kena makan."

"Bagaimana kalau kita berjumpa Raja sahaja?" tanya Sang Kanchil. "Boleh juga kita bertanya fikiran baginda tentang hal ini."

Singa, Rusa, dan Sang Kanchil pun pergi berjumpa Raja. Mereka hendak tahu apa mesti dibuat.

Raja dan permaisurinya sedang bersemayam. Singa dan Rusa itu masuk kedalam bilik itu mengadap raja. Sang Kanchil menunggu diluar. Kononnya ia hendak tidur sekejap.

Raja bertanya tujuan Rusa dan Singa itu menghadap baginda. Rusa pun mencheritakan kepada Raja tentang apa yang dikatakan Singa petang tadi.

"Mimpi diwaktu siang dah jadi kenyataan. Beta tak dapat hendak menolong tuan hamba!" titah baginda.

"Tuanku, tolonglah patik, Tuanku," sembah Rusa. Tetapi baginda tetap tidak mahu menolong.

Waktu itu baharu Sang Kanchil masuk. Dia berpura-pura baharu bangun tidur. "Ampun Tuanku," sembah Sang Kanchil, "Patik bermimpi yang permaisuri Tuanku adalah isteri patik, Tuanku." Sang Kanchil menghampiri permaisuri sambil tersenyum.

Raja sangat murka mendengar kata2 Sang Kanchil itu. Baginda melihat pada permaisuri baginda dan lepas kepada Sang Kanchil. "Tuan hamba tidak boleh mengambil permaisuri beta jadi isteri tuan hamba" tidah baginda dengan nyaring.

"Tapi Tuanku, mimpi diwaktu siang adalah perkara benar, Tuanku," sembah Sang Kanchil dengan suara perlahan.

"Tidak. Beta tak boleh membiarkan permaisuri beta diambil oleh seekor Sang Kanchil," titah baginda. Baginda pun bertitah menyuruh panggil Bendahara. Bila Bendahara tiba maka baginda mengistiharkan agar semua orang jangan lagi perchaya kepada mimpi di-waktu siang.

Bila Raja bertitah demikian, Rusa sangat gembira. Tetapi Singa sangat marah kerana ia tidak ada apa2 untuk dimakan petang itu.

Semenjak hari itu Sang Kanchil dan Rusa berkawan baik. Mereka selalu tolong menolong hingga kehari ini.

TAMATNYA KESAH SEEKOR HARIMAU

PADA SUATU HARI Sang Kanchil berjalan dalam hutan. Tiba2 ia terjumpa Harimau.

Ia tidak pun berhenti untuk menguchapkan selamat pagi kepada Harimau. Ia takut kepada binatang besar itu. Ia berlari sekuat-kuat hatinya.

Harimau mengejarnya dari belakang. Kasihan, Sang Kanchil tidak dapat lari lagi.

Akhirnya dia sampai dekat sungai. Tetapi dalam sungai itu ada banyak buaya. Semua buaya itu pula suka makan pelandok.

Sang Kanchil serba salah. Dibelakangnya Harimau dan dihadapan pula ada buaya menunggu. Kedua-dua binatang itu hendak memakannya.

"Baiklah," kata Sang Kanchil kepada Harimau. "Kalau kau lapar aku akan berikan sedikit kuih. Kau boleh makan kuih tapi jangan makan aku."

"Aku boleh makan kedua-duanya sekali," kata Harimau. "Tapi aku akan makan kuih dahulu dan lepas itu baharulah aku makan kau!"

"Kau makanlah kuih itu saja, Harimau. Biarlah aku makan Sang Kanchil. Aku lebih besar dari kau. Jadi aku perlukan lebih banyak makanan," kata seekor buaya didalam sungai itu.

"Tidak!" jawab Harimau. "Segala yang didarat adalah hak aku dan yang diair untuk kau. Sang Kanchil

dan kuih kedua-duanya diatas daratan. Jadi mereka adalah hak aku . . . Sang Kanchil sayang, berilah kuih itu kepadaku."

Sang Kanchil mengeluarkan enam potong kuih dari sakunya dan memberi kepada Harimau.

Disebabkan Harimau tersangat lapar maka dimakannya semua kuih itu dengan sekali gus. Lepas itu dia menyesal sebab dalam kuih dibubuh oleh Sang Kanchil banyak lada.

Mulut Harimau terasa sangat pedas. Dengan pantasnya ia berlari kesungai untuk minum air. Ia hendak menyejukkan mulutnya.

Sementara ia berlari kesungai, Sang Kanchil melarikan diri. Ia berlari dengan pantasnya untuk menyelamatkan nyawanya. "Nasib baik aku tidak makan kuih2 tu," fikir Sang Kanchil. "Kalau tidak tentu sekarang aku telah dimakan Harimau."

Tidak berapa lama antaranya Sang Kanchil mulai lupa kesahnya dengan Harimau itu. Ia berjalan lagi dalam hutan. Ia berjalan seorang diri. Ia nampaknya sangat gembira.

Tetapi Harimau tidak pula lupa kepada Sang Kanchil. Harimau sangat marah pada Sang Kanchil kerana memberinya kuih pedas hari itu.

Harimau datang dari belakang dan berkata, "Kali ini aku akan makan kau!" Dia terus menerpa kearah binatang chomel itu.

"Segala yang didalam air adalah hak aku," kata Buaya.

Sekali lagi Sang Kanchil dapat mengelak dan lepas lari. Ia berlari sekuat-kuat hatinya. Harimau terus mengejarnya lagi.

Mereka kejar mengejar hingga sampai ketebing sungai. Sang Kanchil terlihat pula Buaya sedang menunggu disitu.

"Segala yang didarat adalah hak aku," kata Harimau kepada Buaya. "Kali ini aku dah dapat dia." Dan ia terus menerkam pada Sang Kanchil.

Tetapi Sang Kanchil mengelak. Harimau tersalah terkam dan terus terjatuh kedalam sungai.

"Segala yang didalam air adalah hak aku," kata Buaya. Dia membuka mulutnya menangkap Harimau. Harimau pun lenyap dimakan Buaya!

"Aku didarat. Kau tak boleh makan aku," kata Sang Kanchil kepada Buaya. Ia terus lari dari situ menyanyi dan menari dengan gembiranya. Harimau sudah tiada lagi dan tidak ada sesiapa yang akan menangkapnya.

GENTING GANTING

INI ADALAH SEBUAH cherita Orang2 Bidayuh mengenai sebuah gunung dalam Bahagian Pertama. Gunung itu ialah Gunung Muja. Disana ada sebuah genting dikenali sebagai Genting Ganting. Kesah ini mencheritakan bagaimana genting itu boleh berada disitu.

Beberapa tahun dahulu orang2 Bidayuh tinggal dikawasan Bahagian Pertama ini. Antara mereka ada seorang yang perkasa bernama Munai. Munai dan orang2 disana kerjanya bertanam padi diatas Gunung Muja. Oleh kerana banyak orang yang tinggal disana maka sebahagian besar dari kawasan itu diluaskan untuk bertanam padi.

Munai sungguh gembira kerana padinya tumbuh dengan subur. Dia telah bekerja keras untuk menanamkannya. Waktu itu padinya sudah dua kaki tingginya. Pada suatu hari, waktu dia datang melihat-lihat padinya, didapatinya setengah dari padinya telah binasa. Daun2nya habis kena makan. Hanya batangnya sahaja yang tinggal.

Munai merasa sangat marah. Dia pergi mencheritakan perkara itu kepada isterinya. Pada mulanya dia menyangka yang padinya itu telah dimakan oleh binatang. Tetapi binatang apakah yang begitu besar hinggakan boleh memakan padinya yang begitu banyak? Munai adalah seorang yang perkasa. Dia mengambil keputusan untuk membunuh binatang jahat itu.

Pada petang berikutnya Munai pergi kesawah padinya. Dia bekerja keras menggali lubang ditepi pondoknya. Lubang itu hanya chukup untuk badannya sahaja. Bila matahari sudah hampir terbenam baharulah lubang itu siap digalinya. Lepas itu Munai balik sebentar untuk bersiap-siap. Dia membawa makanan, sumpitan dan upas berachun. Dia berharap upas2 itu akan dapat membunuh binatang besar itu.

Bila segala-galanya sudah siap dia pun pergi semula keladang padinya. Waktu itu hari mulai gelap dan dia terus masuk kedalam lubang tadi. Chahaya bulan sangat terang. Dengan itu Munai dapat melihat ladang padinya dengan jelas. Dia senyap2 menunggu binatang itu datang.

Tiba2 Munai terlihat satu benda besar turun dari langit. Dia berasa chemas dan menggeletar. Dia pun mengisi upas kedalam sumpitannya. Bila benda itu sudah hampir benar kepadanya baharulah dia mengetahui yang benda itu sebenarnya ialah seekor ular. Ular itu sangat besar hingga ekornya tidak dapat dilihat. Disebabkan terlalu besar langit menjadi gelap.

Ular itu mulai memakan daun2 padi yang tinggal itu. Munai mengangkat sumpitannya dengan hati2 dan terus menyumpit. Upas itu kena kepada kepala ular itu. Tetapi nampaknya ular itu terus juga memakan padinya. Munai menyumpit lagi dan kali ini upas itu terkena pada badan ular itu. Namun begitu ular itu masih terus makan juga. Munai mulai khuatir kerana nampaknya tidak ada apa yang dapat membunuhkan binatang itu.



Ular itu sangat besar hinggakan langit itu menjadi gelap.

Apabila Munai baharu sahaja hendak menyumpit buat kali ketiganya, ular itu mengangkat kepalanya. Ular itu nampaknya mulai menggelisah kesakitan. Dia yakin yang rachun itu sudah mulai berkesan. Badannya yang besar itu semakin hampir kepada Munai. Dia merasa sangat ketakutan. Dia melompat keluar dari lubang itu dan berlari balik kerumah. Sebelum dia sampai kerumahnya dia terdengar satu bunyi yang amat dahshat. Bunyi itu seolah-olah bunyi batu yang dihumban dari atas gunung. Tanah disekelilingnya bergegar. Dengan ini fahamlah dia yang ular besar itu telah jatuh terhempas dari atas langit.

Munai berlari-lari menyatakan kepada orang2 kampung tentang apa yang telah terjadi. Pada pagi esoknya mereka semua pergi keatas gunung itu untuk menyaksi sendiri. Mereka chukup lengkap dengan bersenjatakan parang dan sumpitan. Mereka naik diam2 dan bila sampai kesana mereka dapati ular itu mengelimpang diatas ladang padi mereka. Ular itu terlalu berat. Kesan diatas tanah tempat ia terhempas itu hampir2 membelah dua gunung itu. Begitulah kesahnya bagaimana Genting Ganting itu telah terbentuk.

Orang2 di Gunung Muja hingga sekarang masih lagi bercherita-cherita tentang ular itu. Menurut mereka bila badan ular itu mulai busuk, lebih banyak ulat memakan bahagian ekornya dari bahagian kepalanya. Mereka berkata semua ulat2 itu bertukar menjadi ikan dan binatang. Mungkin juga perkara ini benar. Hingga sekarang kita dapati lebih banyak binatang dan ikan disebelah gunung itu daripada yang disebelah lagi.

PAHLAWAN DARI TUJUH BUKIT

DUA RATUS TAHUN dahulu ada sebuah rumah panjang diatas kemunchak Gunung Sentah. Seorang tua bernama Taping tinggal bersama-sama isteri dan anak lelaki mereka dalam rumah itu. Anak lelaki mereka bernama Takud. Dia sangat rajin bekerja. Mereka bukanlah orang kaya, tetapi Taping sekeluarga sangat baik hati. Disana juga ada tiga orang jahat bernama Sukad, Pajan dan Dibun. Mereka miskin kerana mereka malas bekerja. Tapin selalu mengajak mereka makan bersama dalam biliknya.

Pada suatu malam mereka pergi kebilik orang tua itu. Sukad berbisik kepada Taping, "Kau sungguh bernasib baik kerana ada isteri untuk bermasak dan anak yang bekerja untukmu. Ingin benar hatiku beranak isteri dan mempunyai sebuah ladang." Kemudian dia tersenyum dengan senyuman yang bermakna.

Malam itu mereka membuat ranchangan untuk membunuh Taping. Lepas itu mereka hendak mengambil bilik dan kebunnya. Isterinya boleh disuruh bermasak dan anaknya boleh bekerja untuk mereka.

Pada pagi berikutnya Takud pergi keladang. Seperti biasa Taping pergi duduk diatas batu memerhati matahari terbit. Mereka bertiga tadi datang dengan diam2 dari belakang batu itu. Sukad menulak orang tua itu dari atas batu. Taping jatuh dan lehernya patah. Sebelum dia jatuh dia sempat melihat muka mereka.

Bila Taping tidak balik2 isterinya menjadi chemas. Dia pergi menchari suaminya. Didapatinya suaminya telah mati terbunuh. Dia sangat sedih dan terus menangis. Orang2 rumah panjang itu datang menolong membawa mayat suaminya kerumah. Salah seorang daripada mereka pergi keladang memberi tahu Takud tentang kematian ayahnya. Malam itu semua orang datang berkunjung kebilik mereka. Mereka berchakap-chakap tentang si mati. "Dia orang baik. Tetapi kematiannya amat dahshat," kata Sukad, Pajan dan Dibun. Tidak seorang pun yang menyangka bahwa merekalah pembunuh orang tua itu.

Pada hari esoknya mereka mengadakan kenduri untuk si mati. Mereka memotong dua ekor babi. Gadis2 pula menyediakan barang2 makanan. Sebelum mereka makan penghulu rumah panjang itu menaruh semangkok nasi dan lauk daging babi dekat kaki mayat Taping. "Makanlah orang tua. Inilah kali terakhir kita makan bersama sebelum kamu pergi ke Lembah Orang2 Mati." Selepas itu mereka semua pun makanlah.

Pada petang itu mayat itu dibawa kedalam hutan. Mereka mendirikan sebuah pondok dan mayat itu diletakkan diatasnya. Disisi mayat itu diletakkan lembing dan sumpitan serta sedikit nasi dan lauk daging babi. Segala-galanya ini akan diperlukan oleh si mati waktu berada di Lembah Orang2 Mati nanti.

Selama tujuh malam orang2 rumah panjang itu tinggal bersama Takud dan emaknya. Mereka perchaya pada malam yang ketujuh baharulah orang mati itu memulakan perjalanannya. Keluarganya akan berjumpa dia dalam mimpi mereka.

Pada malam ketujuh Takud telah terkejut dari tidurnya oleh guruh dan kilat. Orang2 lain masih tidur nyenyak. Kemudian Takud terlihat ayahnya datang menghampirinya. Takud menggelentar ketakutan. Tetapi ayahnya berkata, "Jangan takut, anakku. Aku akan pergi ke Lembah Orang2 Mati." Kemudian dia memberi tahu anaknya bagaimana dia telah dibunuh. "Kau mesti bunuh orang2 yang telah membunuh aku," katanya. "Tetapi masanya belum tiba. Esok pergilah ketujuh buah bukit itu. Tinggallah disana hingga aku menyuruh kau balik. Pada tiap2 kemunchak bukit itu hendaklah kau nyanyikan lagu ini." Ayahnya pun mengajar apa yang harus dinyanyikannya. "Nyanyikan setiap malam. Tiga orang jahat pembunuh itu akan sentiasa mendengarnya. Dengan itu nanti mereka akan tahu yang kita tidak melupakan perbuatan jahat mereka." Selepas itu dia pun hilang.

Pada malam itu Sukad juga bermimpi. Dalam mimpinya itu Taping datang kepadanya dan berkata yang pada suatu hari nanti dia akan menerima pembalasan atas perbuatannya. "Supaya kau tidak lupa, kau akan terdengar nyanyian tiap2 malam hingga sampai masanya kau mati," kata orang tua itu. Sukad bangun dan menjerit. Mereka bertanya tentang mimpinya tetapi dia tidak mahu menerangkan. Dia takut orang2 itu tahu yang dialah pembunuh Taping.

Pada pagi esoknya mereka dapati isteri Taping juga telah meninggal dunia. Dia telah pergi bersama-sama suaminya ke Lembah Orang2 Mati, kerana dia tidak sanggup hidup ditinggal suaminya. Orang2 rumah panjang itu hendak tinggal bersama-sama Takud.

Mereka berchadang hendak mengadakan kenduri hari mati lagi. Mereka sangat hairan kerana Takud menyuruh mereka balik. Tidak berapa lama kemudian mereka dapati Takud telah pergi dari situ.

"Mungkin dia telah lari membunuh diri," kata mereka setelah gagal menchari dia merata-rata tempat.

Tiga malam kemudian diadakan mashuarat. Dalam mashuarat itu telah diputuskan yang bilik dan ladang Tapin diberi kepada Sukad, Pajan dan Dibur. Mereka sangat gembira kerana ranchangan mereka telah berjaya. Sekarang mereka telah mempunyai bilik dan sebuah ladang. Mereka tidak miskin lagi.

Beberapa malam kemudian orang rumah panjang itu gempar. Mereka terdengar suara yang ganjil sayup2 menyanyi: "Aku tak akan lupa, suatu hari nanti aku akan datang!" Lagu itu dinyanyikan lepas semalam, semalam lagi. Orang rumah panjang itu mulai hairan. Apakah maksud nyanyian tersebut? Tetapi tiga orang jahat itu tahu akan maksudnya. Setiap hari mereka bertambah-tambah takut. Pada suatu malam mereka mengambil keputusan hendak membunuh orang yang menyanyi itu, tidak kira siapa dia. Mereka menchari berjam-jam, tetapi tidak berjumpa. Berturut-turut malam mereka mencharinya tetapi tetap gagal. Nyanyian itu masih juga kedengaran. Mereka makin bertambah takut.

Selama dua tahun mereka sentiasa terdengar nyanyian itu. Orang2 kampung itu tidak menghiraukan lagi tetapi orang2 jahat itu terus merasa bimbang.

"Akulah pahlawan dari Tujuh Bukit!"

Dua tahun selepas kematian Taping, seorang muda datang kekampung itu. Dia ialah Takud. Tetapi tidak seorang pun yang mengenalinya lagi. Pada waktu itu orang2 tidak suka pada orang dagang. Jadi kedatangannya tidak disambut. Kemudian dia bertanya tentang Sukad, Pajan dan Dibun. "Mereka orang baik2. Saya kenal mereka," katanya. Bila mendengar perkara ini baharulah orang2 itu bermesra dengannya. Mereka menerangkan kepadanya yang orang2 itu telah jadi kaya. Selepas mendengar segala-galanya Takud pun pergi dari situ.

Malam itu Sukad telah bermimpikan satu perkara yang amat dahshat. Dia terbangun dan menjerit. Bila dia membuka mata didapatinya Takud berada dihadapannya. Dia bertambah takut. Ditangan Takud ada sebilah pedang.

"Akulah Takud. Aku datang untuk membunuh kau kerana kau telah membunuh ayahku."

Bila dia menghampiri Sukad, pedangnya telah sedia untuk memanchung kepala orang jahat itu. Sukad menjerit ketakutan, "Tolong! Jangan bunuh aku! Pajan dan Dibun yang....." pedang itu terus memotong kepalanya.

Kemudian dia pergi kerumah Pajan.

"Akulah pahlawan dari Tujuh Bukit."

"Jadi, kaulah orang yang menyanyi itu?" tanya Pajan ketakutan.

"Ya! Akulah!" kata Takud perlahan-lahan. Pedangnya segera memotong kepala Pajan.

Kemudian dia pergi pula kerumah Dibun. "Bangunlah Dibun!" Dibun pun bangun dan Takud pun berkata, "Akulah orang dari Tujuh Bukit itu. Aku datang untuk membunuh kau." Belum pun dia sempat berkata apa2, Takud telah membunuhnya.

Pada pagi esoknya badan2 yang tidak berkepala telah dijumpai orang.

Mereka hendak menchari orang yang tidak mereka kenali tadi. Mereka hendak menghukumkannya kerana dia telah membunuh orang. Tetapi waktu mereka sedang bersiap-siap untuk menangkapnya, seorang tua telah berkata, "Pemuda itu ialah Takud. Semalam aku bermimpi yang Takud datang untuk menuntut bela atas kematian ayahnya. Dia berkata yang orang2 inilah yang telah membunuh ayahnya. Sekarang mereka telah menerima pembalasan."

Malam itu mereka terdengar nyanyian itu buat kali penghabisan.

"Mereka telah dihukum. Sekarang aku puas hati."

Nyanyian itu tidak kedengaran lagi. Takud tidak pernah datang kerumah panjang itu. Ada cherita yang mengatakan dia telah mati dan ada pula yang mengatakan dia telah pergi kerumah panjang lain. Hingga sekarang pun tiada siapa yang tahu dimana dia telah pergi.

PERKAHWINAN BALAN DAN BUNGAN

ADA SEBUAH RUMAH panjang ditebing sebuah sungai bernama Aloh Moh. Penghulu rumah panjang itu bernama Balan Nyareng. Dia seorang pahlawan muda dan seorang penghulu yang baik hati dan jujur.

Waktu itu musim menuai telah selesai. Orang2 rumah panjang itu telah bersiap sedia untuk meraiekan hari perkahwinan Balan. Dia akan berkahwin dengan seorang dara jelita bernama Bungan Lisu. Ada diantara mereka membuat 'burak' atau arak tapai dan yang lain pula memburu babi hutan. Beratus-ratus guni beras telah disediakan. Jemputan2 telah dihantar kerumah-rumah panjang dikawasan itu. Mereka menjemput seberapa ramai orang2 dari sana yang dapat.

Tetapi persediaan2 itu diperhatikan dari atas oleh Raja Negeri Orang2 Mati, Lenjot Iot. Dia juga berhajat hendak berkahwin dengan Bungan.

Bila hari perkahwinan telah tiba, awal2 lagi orang2 telah berhimpun di RUAI. Orang2 tua duduk ber-hadapan dengan orang tua Balan dan Bungan. Waktu itu juga kedua pengantin keluar bersanding dengan pakaian yang indah sekali. Mereka duduk diatas gong dihadapan orang2 tua. Disana mereka membuat janji dan sumpah perkahwinan mereka. Seekor ayam telah disembelihkan dan darahnya telah direnjis-renjis pada muka mereka. Lepas itu kedua pengantin pun masuk



Kedua-dua pengantin bersanding dengan pakaian yang indah.

kedalam bilik mereka. Achara keramaian pun dimulakan. Upachara itu berlangsung siang malam. Sepanjang hari mereka menari dan menyanyi. Pada pagi esoknya majlis itu pun selesai. Seperti yang teradat tiap orang datang memberi nasihat kepada pengantin baru itu. Mereka menasihat Bungan supaya jangan menyentuh jarum selama tujuh hari.

Tetapi belum pun habis tempuh itu, Bungan hendak menapung baju suaminya. Walaupun dilarang, dia mengambil jarum serta benang dan mulai menjahit. Tidak lama kemudian tangannya terchuchuk jarum. Darah keluar dengan tidak berhenti-henti. Dia berlari mendapatkan suaminya untuk meminta menahan darah itu keluar. Tetapi darahnya mengalir terus. Semua penduduk kampung telah dipanggil, tetapi tidak seorang pun yang dapat menolongnya. Sebelum hari malam Bungan telah meninggal dunia. Balan sangat bersedih atas kematian isterinya.

Pada hari berikutnya sebuah keranda telah dibuat dan Bungan pun dikuburkan. Pada malam itu Balan bermimpi. Dalam mimpinya dia terjumpa isterinya berada dirumah Lenjot Iot, Raja Negeri Orang2 Mati. Dia meminta suaminya mengambilnya balik.

Bila Balan terbangun dia pun membuat upas sumpitan. Dia bekerja selama tujuh hari tujuh malam membuat berjuta-juta upas. Pada malam kelapan Balan keluar membawa sumpitan dan upasnya. Semua orang sedang tidur nyenyak. Lepas berjalan sebentar dia pun menyumpit kelangit.

Upas pertamanya telah melekat pada langit. Yang kedua pula melekat pada hujung upas yang pertama. Begitulah yang ketiga dan seterusnya satu melekat pada yang lain pula. Ini menjadi satu tiang yang panjang dari langit kebumi. Digunchangnya tiang dari upas2 itu. Ianya segera bertukar menjadi tangga.

Selama lima jam dia menaiki tangga itu baharulah dia sampai kelangit. Disana dia membuat lubang pada langit itu. Dari lubang itu dia terus melompat ke Negeri Orang2 Mati. Disana dia terlihat sebuah sungai, Alo Malan. Ditebing sungai itu ada sebuah jong yang indah lengkap dengan pengayuhnya sekali. Dia melompat masuk kedalam jong itu. Dia pun berkayuh kehilir sungai.

Dia sampai kesebuah kampung dimana ruh2 orang dari rumah panjangnya berada. Mereka tidak kenal lagi kepadanya. Mereka mengusirnya. Bila mereka mengejarnya, Balan menabur sedikit jagung. Sementara mereka sibuk mengutip jagung2 itu dia lari dari situ dan terus kesungai.

Kemudian dia sampai kekampung dimana terdapat ruh2 orang Punan. Mereka memberi tahu dia bahwa dua hari lalu ada sebuah perahu melintas disitu. Perahu itu membawa lima puluh orang termasuk seorang gadis jelita. Balan yakin gadis itu adalah Bungan. Dia pun berkayuh lebih chepat dari biasa. Dalam perjalannya dia melintas kampung2 untuk ruh2 orang gila dan kanak2. Kemudian dia melintas sawah padi dan akhirnya sampailah dia kerumah panjang Raja Negeri Orang2 Mati.

Kira2 seratus ela lagi akan sampai kerumah itu, dia menukarkan dirinya menjadi ayam jantan. Kemudian dia naik kerumah panjang itu dengan megahnya. Dia pergi kebahagian belakang rumah itu. Dia pun masuk kedalam bilik tempat menyimpan barang2. Balan merasa sangat gembira bila terlihat isterinya berada disana. Bungan sedang menjaga padi yang berjemur daripada dimakan ayam. Dengan rupanya masih seperti seekor ayam Balan memakan padi yang sedang berjemur itu. Bungan marah kepada ayam itu dan terus menangkapnya. Dia hairan mendengar ayam itu berkata-kata. Ayam itu menyatakan yang dia adalah Balan, suaminya. Dia menyuruh Bungan bersedia kerana dia datang untuk mengambilnya balik. Bungan hendaklah menyuruh orang2 dalam rumah panjang itu mengadakan majlis tari menari. Waktu itu dia hendaklah pura2 pergi mandi dekat tempat air terjun. Balan berjanji akan menunggu disana.

Jadi pada petang itu Bungan menyuruh Lenjot Iot mengadakan majlis tari menari. Lenjot merasa gembira mendengar chadangan itu. Dia terus mengadakan persediaan di RUAI. Bunganlah yang memulakan majlis itu. Dia menari dengan lemah gemulai. Bulu burung kenyalang ditaruhnya pada tangannya. Dia memang terkenal pandai menari. Kemudian diikuti pula oleh mereka yang lain. Mereka semua merasa gembira. Dengan keadaan begini mereka tidak sedar yang Bungan telah pergi menuju ketempat air terjun. Dia pura2 hendak pergi mandi.

Apabila Lenjot Iot mendapati yang Bungan telah lenyap dari majlis itu dia pergi mencharinya dimerata-rata tempat. Tetapi dia tidak berjumpa. Seorang tua disitu berkata yang Bungan telah pergi dari situ. Lenjot tidak perchaya yang Bungan betul2 hendak mandi kerana hari sudah larut malam. Dia menchabut pedang-nya. Dia hendak melihat apa yang telah berlaku. Bila Balan melihatnya datang dia juga bersedia dengan pedangnya. Terjadilah perkelahian yang amat dahshat.

Mereka berkelahi bermati-matian. Balan melawan dengan gagahnya. Dia lebih gagah dari biasa. Lenjot Iot nampaknya terlalu letih. Balan memanchungnya dengan pedangnya. Lenjot Iot pun mati. Balan dan Bungan segera lari sebelum orang2 Lenjot Iot mengetahui yang dia telah terbunuh.

Mereka berkayuh selama lima hari kehulu sungai. Pada hari keenam mereka sampai pada lubang langit tadi, Balan menolong Bungan turun dari negeri itu. Mereka rasa bershukur yang mereka telah dapat keluar dengan selamat.

Selama itu orang2 rumah panjang mereka menyangka mereka berdua telah mati. Pada suatu hari mereka terkejut melihat mereka berdua balik. Ramai orang datang kerumah panjang itu bila mendengar kedatangan mereka. Satu majlis istimewa telah diadakan sebagai tanda keshukuran. Balan mencheritakan kesahnya menyelamatkan Bungan. Mereka semua merasa gembira bila mendengar penghulu mereka telah berjaya membunuh Lenjot Iot dan membawa Bungan balik dari Negeri Orang2 Mati.

BATU GADING

ORANG2 KENYAH PERCHAYA, kalau kita menyakiti dan mentertawakan binatang kita akan menerima balasan yang amat dahshat.

Pada zaman dahulu ada sebuah rumah panjang ditebing Sungai Baram. Penghulu rumah panjang itu sangat jahat. Dia ada seorang anak lelaki. Oleh kerana anaknya hanya seorang sahaja dia sangat sayang kepadanya. Dibilik hujung rumah panjang itu ada seorang balu. Dia juga ada seorang anak lelaki. Dia sangat sayang kepadanya.

Pada suatu hari anak penghulu itu jatuh sakit. Penghulu itu memanggil semua bomoh untuk mengubati anaknya. Ramai juga mereka yang datang chuba mengubati budak itu tetapi gagal. Penyakitnya bertambah tenat. Enam hari kemudian dia pun meninggal dunia. Penghulu sangat sedih atas kematian anaknya. Mayat budak itu diletakkan di **RUAI** rumah panjang itu. Kemudian orang2 lelaki pergi menggali sebuah lubang yang besar. Lepas itu nanti satu tiang yang besar dan berlubang akan dichuchukkan kedalam lubang itu. Keranda itu nanti akan ditaruh didalam tiang itu. Mengikut adat waktu itu, bila anak seorang penghulu meninggal dunia seorang kanak2 lain hendaklah dibunuh sama dan mayatnya ditaruh dibawah tiang keranda tadi.

Pada hari yang ketiga, perempuan tadi seperti biasa pergi keladangnya. Anaknya ditinggalkannya. Tetapi budak itu pergi pula mengikut orang melihat tempat

keranda itu diletakkan. Bila Penghulu terlihat budak itu dia memerintahkan orang2nya menangkap dan membunuh budak itu. Lepas itu mayat budak yang malang itu diletakkan dibawah tiang keranda.

Apabila perempuan itu balik kerumahnya dia pun memanggil anaknya. Setelah berkali-kali dia memanggil anaknya tidak juga kelihatan. Kemudian dia diberi tahu yang anaknya telah dibunuh atas perintah Penghulu. Perempuan itu merasa amat sedih dan marah. Dia merasa sangat marah kepada Penghulu dan berchadang hendak menuntut bela.

Petang itu juga penghulu mengadakan mashuarat tentang kematian anaknya. Perempuan tadi pergi kesungai menangkap kodok yang besar. Kodok itu dibawanya balik kerumah, dan dikenakannya pakaian yang serupa dengan pakaian Penghulu. Kemudian kodok itu dimasukkannya kedalam kotak tembakau. Kotak itu diberikannya kepada orang2 yang akan bermashuarat. Ia dibawa bersama-sama kotak2 lain yang akan digunakan untuk merokok waktu bermashuarat itu nanti.

Sementara mereka berchakap-chakap kotak itu tadi diletakkan dihadapan Penghulu. Dia pun membuka kotak itu dan kodok tadi segera melompat keluar. Mereka semua tertawa melihat keadaan kodok itu. Penghulu juga turut ketawa sekalipun pada waktu itu dia masih bersedih kerana kematian anaknya.

Tiba2 chuacha menjadi gelap dan hujan turun dengan lebatnya. Setelah dua jam baharulah ribut dahshat itu berhenti. Tetapi air sungai pula mulai naik menyebab-

Tiba2 beratus-ratus ekor kodok naik kerumah panjang itu.

kan banjir. Air melimpah-limpah naik dengan chepat-nya. Lantai rumah panjang itu juga diachapi air. Namun begitu air terus juga melimpah-limpah naik.

Tiba2 datang beratus-ratus ekor kodok naik kerumah panjang itu. Serentak dengan itu pula angin kenchang yang amat dahshat meniup seluruh rumah panjang itu. Ia beterbangan hingga sampai ketebing sebelah sungai itu. Apabila ribut telah teduh rumah itu kelihatan sudah menjadi batu. Semua orang yang terperangkap dalam rumah itu turut menjadi batu. Hanya perempuan balu tadi sahaja yang dapat menyelamatkan dirinya. Dia pun pergi naik perahu menuju kekampung yang jauh dari situ.

MEMBURU PENYAMUN

BEBERAPA TAHUN DAHULU orang2 Borneo sentiasa takut kepada penyamun atau pemotong2 kepala. Dipinggir Tanah Datar Tinggi Kelabit terdapat sekumpulan pemotong kepala yang dikenali sebagai Lepo Ibang. Mereka selalu datang membunuh orang2 Kelabit dan membakar rumah2 panjang mereka. Orang2 Kelabit selalu dalam keadaan takut. Kumpulan Lepo Ibang ini sangat kuat. Diantara mereka terdapat banyak pahlawan.

Ketua orang2 Kelabit ialah Penghulu Tinggang. Dia selalu mengepalai orang2nya menentang orang2 Lepo Ibang. Tetapi mereka selalu kalah. Akhirnya Tinggang merasa mereka perlu minta bantuan. Jadi dia pun menghantar utusan kepada Penghulu Aban Jau meminta bantuan angkatan perang.

Pada masa itu Aban Jau adalah penghulu bagi semua orang dalam kawasan Baram. Sebaik-baik sahaja dia menerima utusan dari Tinggang dia terus menyuruh orang2nya pergi membantu orang2 Kelabit. Dia mengarahkan mereka supaya berangkat selepas sahaja selesai menuai. Tiap2 orang dalam semua rumah panjang dikawasan Baram bersiap sedia untuk berangkat kesana. Tiap seorang tidak kira tua atau muda termasuk budak2 semuanya dengan ikhlas bersiap sedia untuk berjuang. Ada yang mengasah parang dan lembing mereka. Ada yang membuat perisai (utap) dan ada pula yang membuat perahu panjang yang besar untuk perjalanan mereka.

Apabila mereka telah selesai menuai, mereka mulai pergi kehulu sungai. Setelah sampai setakat yang boleh dilalui dengan perahu mereka mengangkat perahu mereka ketebing sungai. Dari sana mereka berjalan kaki. Aban Jau merasa gembira melihat angkatan perangnya yang mengandungi sepuluh ribu orang itu untuk membantu saudara2 mereka orang2 Kelabit.

Mereka mulai berjalan menuju kerumah panjang Penghulu Tinggang diatas Tanah Datar Tinggi Kelabit. Jalan menuju kesana sangat payah hendak dilalui. Mereka terpaksa melalui gunung2 dan menyeberangi sungai yang penuh dengan batu2 besar. Banyak diantara mereka telah sesat dalam perjalanan yang sukar itu. Perjalanan itu mengambil masa selama dua bulan. Akhirnya mereka sampai juga kerumah panjang orang2 Kelabit.

Penghulu Tinggang sangat gembira menyambut kedatangan Aban Jau dan orang2nya. Pada malam itu semua ketua2 mereka meranchang tentang chara2 serangan mereka. Setelah beberapa jam ranchangan mereka pun selesai.

Pada hari berikutnya mereka mulai berjalan menuju kerumah panjang orang2 Lepo Ibang. Setelah berjalan melalui hutan selama empat hari mereka sampai pada sebuah sungai yang besar. Kumpulan Lepo Ibang tinggal dihilir sungai itu. Mereka berjalan berhati-hati menchari musuh.

Bila mereka telah sampai pada suatu tempat kira2 sepuluh batu dari rumah panjang orang2 Lepo Ibang,

ketua mereka memerintahkan supaya berhenti. Mereka makan dan bersiap sedia untuk berlawan. Dengan hati2 mereka berjalan melalui hutan hingga sampai kerumah panjang yang paling besar.

Orang2 Kelabit dengan senyap2 telah sampai kerumah itu. Penghulu mereka menyuruh mereka mengepung dan membakar rumah itu. Pada mulanya mereka terpaksa berpatah balik kerana diserang dengan sumpitan dan lembing oleh musuh. Kemudian mereka menghumban pontong kayu yang berapi keatas atap rumah itu. Rumah itu mulai terbakar. Bila api itu mulai menyala, orang2 yang berada dalam rumah itu mulai kepanasan. Mereka bertempiaran keluar sambil berteriak-teriak. Dengan mudah mereka ditangkap dan dibunuh oleh mereka yang datang menyerang itu.

Akhir sekali keluarlah ketua Lepo Ibang. Dia sangat gagah. Salah seorang dari ketua orang2 Kelabit datang melawannya. Lepo Ibang telah terbunuh dan kepalanya telah dipotong. Kira2 beberapa waktu sahaja rumah panjang itu telah habis terbakar. Banyak dari pengikut2 Lepo Ibang yang jahat itu telah dibunuh. Tetapi ada juga yang telah dapat menyelamatkan diri dan lari kerumah panjang diatas bukit. Aban Jau memerintah orang2nya menyerang mereka. Mereka chuba mendaki bukit itu tetapi banyak diantara mereka terbunuh kena upas sumpitan. Jadi mereka terpaksa berpatah balik.

Tetapi sepuluh orang pemuda yang gagah berani berkata yang mereka akan chuba lagi. Mereka diketuai oleh seorang pemuda bernama Aban Padan. Mereka semu memerhati pemuda2 itu mendaki bukit itu dengan

Mereka menghumban potong kayu yang berapi keatas atap rumah itu.

perasaan chemas. Pemuda2 itu bersembunyi dibelakang-belakang pokok dan rumput2 yang tinggi. Mereka hampir sampai keatas. Tiba2 datanglah orang2 Lepo Ibang menentang mereka. Maka terjadilah perkelahian yang hebat. Orang2 Lepo Ibang menggulingkan batu2 besar dan batang2 kayu kebawah bukit. Sepuluh orang pemuda tadi juga terpaksa berpatah balik. Salah satu dari upas yang banyak itu telah kena pada Aban Padan. Dia meninggal dunia disitu juga.

Aban Jau menyuruh mereka semua berhenti melawan. Mereka berundur sedikit dari rumah panjang itu untuk berehat. Pada malam itu terjadilah ribut yang dahshat. Aban Jau merasa inilah peluang baik untuk mereka pergi menyerang kembali. Dia memberi perintah supaya semua orang2nya bersedia.

Orang2 Lepo Ibang sangat gembira melihat mereka berundur tadi. Mereka sangka Aban Jau dan orang2nya telah berundur terus. Mereka menari dan menyanyi sambil minum *burak*. Mereka tidak sedar yang orang2 Aban Jau menyerang sechara senyap2.

Pada tengah malam Aban Jau dan orang2nya mendaki gunung itu. Mereka menyerbu masuk kedalam rumah panjang itu. Orang2 Lepo Ibang menjadi chemas. Dalam masa dua jam sahaja semua mereka telah terbunuh.

Pada pagi berikutnya mereka kembali dengan gembira kerumah panjang orang2 Kelabit. Mereka mengadakan makan besar. Penghulu Tinggang menguchapkan terimakasih kepada Aban Jau dan orang2nya. Lepas itu mereka berangkat balik kesungai Baram

Mereka gembira kerana telah dapat menolong saudara2 mereka orang2 Kelabit menghapuskan musuh mereka orang2 Lepo Ibang yang jahat itu. Mulai dari hari itu semua orang disana hidup dengan aman damai.

M$1.50